

Tajuk : SOALAN PJP K TINGKATAN 1
Tunjang : KESUKANAN

- 1 Apakah kelebihan pengurusan peralatan sukan yang cekap kepada sesebuah sekolah?
 - A Disiplin pelajar meningkat
 - B Alatan sukan boleh digunakan sesuka hati
 - C Persekitaran sekolah sentiasa bersih dan cantik
 - D Alatan sukan sentiasa dalam keadaan baik dan selamat digunakan
- 2 Apakah kebaikan alatan sukan disusun dengan baik dan teratur?
 - A Stor sukan kelihatan cantik
 - B Alatan sukan tahan lebih lama
 - C Memastikan peralatan tidak digunakan
 - D Memudahkan pengambilan dan penyimpanan alatan
- 3 Alatan yang besar atau berat seperti bola sepak dan peluru perlu disimpan di bahagian
 - A rak atas
 - B rak tengah
 - C rak bawah
 - D rak pakaian
- 4 Selepas digunakan alatan yang diperbuat daripada kayu atau besi mesti dikeringkan sebelum disimpan supaya
 - A alatan sentiasa bersih
 - B bilik sukan sentiasa kering
 - C alatan tidak mudah reput atau berkarat
 - D mudah untuk diambil dan disimpan oleh pelajar
- 5 Susun atur alatan sukan di atas rak atau kabinet mengikut
 - A saiz, bentuk dan ketahanan
 - B saiz, bentuk dan berat atau ringan
 - D saiz, bentuk dan baru atau lama
 - C saiz, bentuk dan murah atau mahal
- 6 Kayu hoki dan lembing disimpan secara menegak supaya
 - A mudah dibersihkan
 - B tidak bengkok dan patah
 - C mudah diambil dan jimat ruang
 - D tahan lama dan tidak berkarat
- 7 Atlet atau ahli sukan yang mengamalkan rasuah boleh dianggap sebagai
 - A penjenayah
 - B *bookie* sukan
 - C perwira negara
 - D duta kecil negara
- 8

- Menerima wang daripada bookie
 - Memastikan pasukannya kalah
 - Tiada semangat kesukanan

Pernyataan di atas merujuk kepada pemain yang mengamalkan

 - A rasuah
 - B semangat kerjasama
 - C semangat perpaduan
 - D patuh kepada undang-undang

- 9 Antara berikut yang manakah merupakan kesan daripada amalan rasuah?
- I aktiviti perjudian haram akan berleluasa
 - II mencemarkan nama baik atlet yang terlibat
 - III atlet yang terlibat menjadi kebanggaan negara
 - IV mencemarkan nama baik pasukan dan negara
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
- 10 Pilih pernyataan yang berkaitan dengan amalan yang tidak jujur.
- I Menipu had umur
 - II Bermain mengikut peraturan
 - III Bermain secara kasar dan berbahaya
 - IV Memasukkan pemain yang tidak layak bertanding
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
- 11 Kamal seorang pelajar tingkatan 3 Setia dan berumur 16 tahun. Dia mewakili pasukan bola baling sekolahnya bawah kategori 15 tahun lelaki. Apakah amalan yang tidak jujur untuk situasi di atas ?
- A Rasuah
 - B Menipu had umur
 - C Tidak mengamalkan semangat kesukanan
 - D Memasukkan pemain yang tidak layak bertanding
- Orang yang beretika mempunyai nilai moral yang tinggi.
- 12 Situasi manakah merujuk kepada pernyataan di atas ?
- A Melanggar peraturan permainan
 - B Ubah peraturan untuk kepentingan diri
 - C Memasukkan pemain tidak layak semasa pertandingan
 - D Bermain dengan adil, mengikut peraturan dan arahan pengadil

Bab 3. KESUKANAN

- | | |
|------|-------|
| 1. D | 7. A |
| 2. D | 8. A |
| 3. A | 9. B |
| 4. C | 10. C |
| 5. B | 11. B |
| 6. C | 12. D |

